Tinjauan Keseluruhan

Keadaan pasaran kewangan global menjadi ketat pada separuh pertama tahun 2022 berikutan kebimbangan berhubung dengan pertumbuhan ekonomi global, inflasi yang semakin meningkat dan harga komoditi yang tidak menentu. Volatiliti pasaran kewangan terus didorong oleh dasar monetari di ekonomi utama yang kembali ke paras wajar secara lebih cepat daripada jangkaan bagi mengawal inflasi, serta prospek peperangan yang berlarutan di Ukraine dan risiko gangguan ekonomi global yang berterusan disebabkan oleh sekatan COVID-19 di beberapa negara. Di dalam negeri, tahap tekanan pasaran kekal tinggi sejak suku kedua tahun 2022, mencerminkan sentimen penghindaran risiko global sebagai tindak balas kepada peningkatan kadar hasil bon global. Meskipun volatiliti terus ketara dalam pasaran kewangan domestik, keadaan pasaran kekal teratur dengan pengantaraan aliran dua hala yang lancar dalam pasaran bon dan ekuiti. Dolar Amerika Syarikat (AS) mengukuh dengan ketara dan kekal pada paras tertinggi dalam tempoh dua dekad disebabkan oleh kenaikan kadar dasar yang agresif di AS dan peralihan kepada aset dolar AS yang dianggap selamat. Mudah tunai yang berterusan dalam pasaran pertukaran asing dalam negeri menyokong pelarasan yang teratur terhadap perkembangan luaran. Hal ini seterusnya akan menyokong perniagaan dan peserta pasaran menguruskan dedahan pertukaran asing mereka.

Sektor perniagaan terus menunjukkan peningkatan dalam prestasi kewangan mereka pada separuh pertama tahun 2022 sejajar dengan kegiatan ekonomi yang disambung semula sepenuhnya dan pembukaan semula sempadan antarabangsa. Prestasi kewangan pada tahap agregat telah pulih melebihi tahap sebelum pandemik dengan median nisbah perlindungan faedah dan margin operasi masing-masing sebanyak 7.1 kali dan 7.3%. Walau bagaimanapun, pemulihan kekal tidak sekata dan lebih perlahan dalam subsektor ekonomi tertentu. Mencerminkan keadaan ini, bahagian keseluruhan syarikat berisiko adalah stabil tetapi kekal tinggi dalam sektor hotel dan restoran, pembinaan dan harta tanah. Keseluruhan pinjaman terjejas perniagaan kekal rendah pada 1.1% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan dengan penunjuk utama juga menunjukkan risiko yang boleh diurus dan mampu diserap dengan baik oleh bank-bank. Yang penting, bahagian pinjaman perniagaan dengan risiko kredit yang lebih tinggi terus menurun kepada 14.4% daripada jumlah pinjaman perniagaan sejajar dengan keadaan perniagaan yang beransur-ansur pulih. Sementara itu, bahagian pinjaman perniagaan kecil dan sederhana (PKS) di bawah bantuan bayaran balik pinjaman telah berkurang separuh kepada 13.1% daripada jumlah pinjaman PKS (atau 2.3% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan). Sebahagian besar PKS yang telah keluar daripada program bantuan bayaran balik pinjaman telah dapat menyambung semula bayaran balik pinjaman mereka. PKS yang lewat membayar balik pinjaman mencakupi kurang 1% daripada jumlah pinjaman PKS. Penunjuk risiko mungkir korporat juga terus bertambah baik. Walaupun perniagaan dijangka menghadapi rintangan yang berterusan pada tempoh akan datang, termasuk kesan daripada keadaan kewangan global yang semakin ketat dan perkembangan kadar pertukaran, kemungkiran perniagaan tambahan dijangka kekal terurus di bawah simulasi senario tekanan yang teruk. Yang penting, pelbagai program pengurusan hutang yang bersasar dengan sokongan bank-bank terus tersedia bagi PKS yang masih mengalami cabaran kewangan sementara.

Daya tahan isi rumah terus disokong oleh keadaan ekonomi dan pasaran pekerja yang bertambah baik. Nisbah hutang isi rumah kepada KDNK telah kembali menghampiri paras sebelum pandemik pada 84.5% apabila bank-bank terus mengekalkan piawaian pemberian pinjaman berhemat dalam

keadaan pemulihan pemberian pinjaman isi rumah yang berterusan. Hal ini membantu mengekalkan penampan bayaran balik pinjaman yang kukuh dalam kalangan isi rumah dan keupayaan mereka untuk menguruskan kesan peminjaman yang lebih tinggi serta kos-kos lain. Median nisbah hutang kepada pendapatan (*debt-to-income*, DTI) untuk keseluruhan isi rumah hanya meningkat sedikit kepada 1.5 kali sepanjang tempoh pandemik meskipun terdapat kejutan pendapatan dan bantuan bayaran balik pinjaman berskala besar yang diberikan oleh bank-bank. Ukuran-ukuran lain bagi keupayaan membayar balik hutang termasuk untuk hutang perumahan juga kekal stabil. Bahagian hutang isi rumah di bawah bantuan bayaran balik pinjaman menurun dengan ketara daripada 18.8% pada bulan Disember 2021 kepada 2.4% pada bulan Jun 2022, bersama-sama dengan penurunan bahagian hutang isi rumah yang berisiko lebih tinggi seperti yang dilaporkan oleh bank-bank. Beberapa segmen peminjam isi rumah yang mempunyai leveraj yang tinggi dengan penampan kewangan yang rendah mungkin mengalami tekanan kewangan berikutan kenaikan kos sara hidup dan bayaran balik pinjaman yang lebih tinggi bagi pinjaman berkadar terapung. Peminjam yang masih di bawah tempoh lanjutan bantuan bayaran balik pinjaman juga mungkin menimbulkan risiko yang lebih tinggi. Bank-bank telah menyediakan penampan peruntukan yang mencukupi terhadap risiko ini dan terus memberikan sokongan yang sewajarnya, termasuk melalui Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), kepada peminjam isi rumah yang masih menghadapi cabaran kewangan. Tindakan kebankrapan terus menjadi pilihan terakhir bagi bank-bank selepas semua usaha untuk pemulihan dan pengutipan hutang yang lain telah dilaksanakan. Di bawah senario tekanan yang menggabungkan kos pinjaman tambahan dan kejutan perbelanjaan asas, pinjaman terjejas isi rumah mungkin meningkat sedikit berbanding dengan ujian tekanan yang dijalankan sebelum ini. Walau bagaimanapun, kebanyakan isi rumah serta sistem perbankan akan kekal berdaya tahan.

Keuntungan sistem perbankan terus pulih pada separuh pertama tahun 2022 disokong oleh peningkatan dalam pemberian pinjaman dan kos kredit yang lebih rendah. Kedudukan mudah tunai bank-bank yang kukuh, seperti yang dicerminkan dalam Nisbah Perlindungan Mudah Tunai sebanyak 148.3% dan Nisbah Pendanaan Stabil Bersih sebanyak 118.5%, juga membantu mengekalkan kos pendanaan yang rendah. Hal ini mengekalkan margin faedah bersih meskipun terdapat prospek persaingan yang lebih besar bagi deposit tetap berkos lebih tinggi dan penetapan semula harga deposit disebabkan oleh kenaikan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR). Kos kredit telah menurun sebanyak 24 mata asas sejak bulan Disember 2021 tetapi kekal melebihi paras sebelum pandemik apabila bank-bank terus berwaspada terhadap mula terjadinya kerugian kredit daripada peminjam yang terjejas lebih teruk akibat pandemik COVID-19. Seiring dengan perkembangan ini, bahagian pinjaman di bawah bantuan bayaran balik pinjaman juga telah menurun daripada paras tinggi semasa pandemik kepada hanya 7.2% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan. Nisbah pinjaman terjejas dalam sistem perbankan juga kekal rendah pada 1.8%. Walaupun kadar faedah dan kos sara hidup yang lebih tinggi boleh menyebabkan kemungkiran meningkat bagi sesetengah peminjam pada separuh kedua tahun 2022, peningkatan dalam pinjaman terjejas keseluruhan dijangka sederhana berikutan kegiatan ekonomi yang kembali normal dan keadaan pasaran pekerja yang bertambah baik. Walau bagaimanapun, peruntukan bank-bank bagi potensi kerugian kredit dijangka terus tinggi sepanjang tahun. Keadaan ini kerana bank-bank terus memantau trend bayaran balik pinjaman bagi peminjam yang telah keluar daripada program bantuan bayaran balik pinjaman sebelum melupuskan peruntukan. Yang penting, penampan modal bank kekal kukuh dengan jumlah nisbah modal sistem perbankan pada 18.0% setakat akhir bulan Jun 2022 dan lebihan penampan modal melebihi keperluan modal pengawalseliaan minimum berjumlah RM122.9 bilion.

Keuntungan keseluruhan dana insurans dan takaful menurun pada separuh pertama tahun 2022 didorong oleh prestasi pelaburan dana insurans hayat dan takaful keluarga yang lebih lemah. Sebaliknya, pendapatan daripada aktiviti pengunderaitan dana insurans hayat dan takaful keluarga meningkat, disokong oleh pertumbuhan perniagaan baharu yang lebih kukuh yang menyebabkan kebanyakan premium pulih ke tahap sebelum pandemik. Perolehan daripada dana insurans dan takaful am terjejas teruk akibat peristiwa banjir besar pada awal tahun 2022 dan tuntutan motor yang lebih tinggi apabila pergerakan kembali kepada keadaan normal. Meskipun terdapat dedahan yang besar kepada risiko pasaran daripada pegangan bon

dan ekuiti mereka, penanggung insurans dan pengendali takaful (*insurers and takaful operators*, ITO) kekal berdaya tahan terhadap potensi kesan buruk daripada volatiliti pasaran kewangan yang ketara. Prestasi ITO pada masa hadapan juga dijangka mencerminkan keadaan tuntutan yang semakin kembali normal, peningkatan kos tuntutan perubatan dan motor serta berlakunya bencana yang teruk dan kerap seperti banjir yang boleh menjejaskan keuntungan. ITO dijangka kekal berdaya tahan terhadap risiko ini, disokong oleh kedudukan modal yang kukuh. Nisbah kecukupan modal agregat ITO berada pada 224% dengan lebihan penampan modal melebihi keperluan pengawalseliaan minimum sebanyak RM35.8 bilion setakat bulan Jun 2022. Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk mengekalkan rangka kerja modal yang kukuh untuk ITO, Bank telah memulakan kajian semula berbilang fasa terhadap keperluan kecukupan modal untuk ITO.

Penampan bank-bank dan ITO akan terus memelihara daya tahan institusi kewangan terhadap potensi kerugian tidak dijangka, lantas membolehkan mereka menyokong keperluan pembiayaan serta perlindungan isi rumah dan perniagaan semasa kegiatan ekonomi bersambung semula. Hal ini disahkan lagi oleh ujian tekanan Bank yang menggabungkan kejutan tambahan daripada keadaan kewangan global dan domestik yang semakin ketat serta penurunan nilai ringgit. Nisbah modal agregat selepas kejutan setakat akhir tahun 2023 kekal selesa melebihi tahap pengawalseliaan minimum sebanyak 15.4% bagi bank-bank dan 209% bagi ITO.

Usaha memastikan daya tahan operasi dan siber institusi kewangan terus menjadi keutamaan penting bagi Bank dan institusi kewangan. Institusi kewangan sedang memperuntukkan sumber yang besar bagi mengekalkan pertahanan siber dan kawalan risiko teknologi yang kukuh. Berikutan ciri risiko ini yang berubah-ubah, Bank terus bekerjasama rapat dengan industri, agensi utama dan pihak berkuasa undang-undang untuk menangani ancaman baharu dan meningkatkan keupayaan industri kewangan untuk pulih daripada pelbagai insiden operasi. Hal ini termasuk memastikan keupayaan institusi kewangan dan pengendali sistem pembayaran untuk melaksanakan pelan tindak balas insiden siber secara berkesan di bawah ujian simulasi secara langsung. Institusi kewangan juga dikehendaki melaksanakan langkah-langkah tambahan terhadap penipuan perbankan dalam talian. Seiring dengan itu, Bank sedang menyelaraskan usaha dengan industri, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk menambah baik usaha tindak balas dan pemulihan terhadap insiden penipuan serta mendidik orang ramai tentang penggunaan perkhidmatan kewangan digital secara selamat.